

[BERITA](#) [SUKAN](#) [DUNIA](#) [HIBURAN](#) [BISNES](#) [RENCANA](#) [WANITA](#) [HUJUNG MINGGU](#) [BH KAPSUL](#) [COVID-19 VAKSIN](#)[OLIMPIK 2020](#)[NASIONAL](#) [KES](#) [POLITIK](#) [PENDIDIKAN](#) [WILAYAH](#)

PM lancar Yayasan Keluarga Malaysia

Oleh Saiful Haizan Hasam - Oktober 23, 2021 @ 9:24pm
saiful.haizan@bh.com.my



KUALA LUMPUR : Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob malam ini melancarkan Yayasan Keluarga Malaysia yang berpenanaman sebagai institusi membantu anak-anak Keluarga Malaysia yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Perdana Menteri, berkata melalui yayasan itu, anak-anak Keluarga Malaysia berpeluang memperoleh sokongan terutama dari aspek pendidikan sehingga mereka mencapai usia 18 tahun.

Katanya, Yayasan Keluarga Malaysia juga adalah manifestasi kasih sayang seluruh anggota masyarakat yang dizahirkan bersama untuk anak-anak yang terkesan akibat pandemik.

"Seterusnya, Yayasan ini akan melebar sayap perlindungannya kepada anak-anak Keluarga Malaysia yang lain, yang turut memerlukan sokongan seumpamanya.



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tengah) hadir pada Majlis Pelancaran Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Borneo Kuching malam ini. Turut hadir Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg (kiri) dan Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa (kanan). - Foto BERNAMA

"Inilah maksud keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran dalam Keluarga Malaysia. Saya menyeru seluruh Keluarga Malaysia, bersama membantu generasi ini.

"Harapan saya, dengan adanya Yayasan Keluarga Malaysia, tidak ada lagi anak Keluarga Malaysia yang terpaksa melalui penderitaan bersendirian," katanya berucap pada majlis Pelancaran Keluarga Malaysia di Kuching, Sarawak, malam ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri, turut berkongsi kisah 13 orang anak yang masih kecil usianya daripada dua buah keluarga yang hilang tempat bergantung dan berpaut kasih yang turut menjadi salah satu pendorong kerajaan menujukan Yayasan Keluarga Malaysia.

Katanya, mereka ialah adik Nazurah Nabilah Benyajeed, 19, yang terpaksa menjaga tujuh adiknya manakala adik Hadrami Hasil menjadi kepala keluarga pada usia 11 tahun untuk meneruskan kelangsungan hidup bersama empat adiknya termasuk adik bongsu yang baru berusia 3 tahun.

PM Ismail Sabri lancar Yayasan Keluarga Malaysia sebagai institusi bantu anak-anak terkesan pandemik COVID-19 #KeluargaMalaysia pic.twitter.com/XVcqosA4ae

– BERNAMA (@bernamadotcom) October 23, 2021

Katanya, anak-anak berkenaan adalah antara 5,173 anak Keluarga Malaysia yang menjadi yatim dan yatim piatu kerana wabak COVID-19.

"Bayangkan, betapa besarnya tanggungjawab yang digalas mereka. Yang hilang bukan sahaja ibu-bapa, bahkan waktu bahagia, membesar sebagai kanak-kanak biasa.

"Maka, dengan rasa rendah diri saya ingin menyeru seluruh Keluarga Malaysia untuk berkongsi kasih sayang dengan anak-anak ini agar mereka dapat menikmati kehidupan seperti rakan-rakan seusia mereka," katanya.



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyampaikan ucapan pada perasmian Keluarga Malaysia peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) hari ini. - Foto BERNAMA